

# Elysian kediaman mewah, gaya hidup tenang di Setia Alamsari

Projek pegangan bebas di Kajang dikelilingi persekitaran hijau, pemandangan Lake of Reflection

Oleh Tuty Haryanti  
Ahmad Rodzi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** SP Setia Bhd (Setia) melancarkan Elysian, projek kediaman mewah pegangan bebas yang terhad kepada hanya 40 unit sahaja terletak di perbandaran Setia Alamsari, Kajang.

Terletak di kawasan seluas 775 ekar yang memenangi anugerah yang dibangunkan oleh Setia, Elysian menawarkan rumah premier berkepadatan rendah untuk pemilik rumah yang mencari keselesaan, privasi, eksklusiviti dan gaya hidup tenang.

Perbandaran Setia Alamsari di Kajang mengetengahkan konsep pembangunan berteraskan reka bentuk menerusi pelan induk yang dibahagikan kepada lapan zon bertema dengan masing-masing menampilkan identiti landskap yang tersendiri.

Elysian adalah sebuah pembangunan berkonsepkan gabungan elemen tradisional Nusantara dan reka bentuk kontemporari.

## Sokong gaya hidup lestari

Ia menawarkan 40 unit kediaman mewah yang terdiri daripada 18 unit banglo dan 22 unit rumah berkembar, direka dengan penekanan terhadap keluasan ruang fungsi praktikal serta elemen alam semula jadi seperti tasik, taman rekreasi dan landskap hijau yang menyeluruh.

Setiap rumah dilengkapi dengan ciri Setia eGreenLiving termasuk sistem Solar PV, kunci digital, titik pengecasan kenderaan elektrik (EV charging point) dan suis hijau bagi menyokong gaya hidup lestari.

Kediaman banglo terdiri daripada dua jenis iaitu Unit Jenis D terletak di atas lot seluas 53 kaki x 110 kaki, dengan keluasan binaan bermula daripada 3,222 kaki persegi, berharga daripada RM2.18 juta sebelum rebat.

Jenis E pula sedikit lebih besar dengan lot seluas 60 kaki x 100 kaki dan keluasan binaan bermula daripada 3,295 kaki persegi, berharga daripada RM2.23 juta.

Bagi rumah berkembar, unit Jenis C dan D berukuran 40 kaki x 80 kaki, dengan keluasan bi-



naan bermula daripada 2,946 kaki persegi, dan harga daripada RM1.65 juta.

Terdapat juga unit berkembar Jenis E tunggal, yang menawarkan tapak yang lebih besar iaitu 52 kaki x 80 kaki dan keluasan binaan adalah 3,159 kaki persegi, berharga daripada RM2.04 juta.

Selain menawarkan kediaman luas dan selesa, Elysian turut dikelilingi persekitaran hijau, termasuk pemandangan Lake of Reflection seluas empat hektar, laluan jogging dan kawasan lapang yang luas.

Bersebelahan dengan Elysian pula, terletak The Lawn, sebuah taman santai yang direka khas untuk kegunaan penduduk, sesuai untuk berjalan pada waktu pagi, berpiknik di hujung minggu atau meluangkan saat indah bersama keluarga tersayang.

Menariknya, Elysian turut terletak berhampiran hab komersial Emporia dan Masjid Baiturrahman yang dijangka bermula operasi pada Oktober 2026, sekali gus memudahkan urusan serta keperluan harian penduduk sekitar.

## Akses ke lebuh raya utama

Setia Alamsari mempunyai akses mudah ke beberapa lebuh raya utama termasuk Lebuh Raya Utara-Selatan (PLUS), Lebuh Raya Kajang-Seremban (LEKAS) dan Lebuh Raya Lingkaran Penyuratan Trafik Kajang (Kajang SILK).

Perbandaran ini juga dikelilingi pelbagai institusi pendidikan dan kemudahan kesihatan seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), German-Malaysian Institute (GMI), Tenby Interna-

tional School, KPJ Kajang Specialist Hospital dan Hospital Kajang.

Selain itu, penduduk turut menikmati akses ke pelbagai lokasi rekreasi dan gaya hidup seperti Bangi Wonderland Theme Park, Danau Golf Club, EVO Mall dan IOI City Mall.

Selepas kejayaan pembangunan hab komersial Emporia dan Teman di perbandaran ini, Setia kini membuka pendaftaran bagi projek komersial terbaharunya, Impiana, yang dijadualkan dilancarkan pada Julai 2026.

Dengan Nilai Pembangunan Kasar (GDV) RM82 juta, Impiana merangkumi 29 unit kedai teres dua dan tiga tingkat yang dibina di atas lot berukuran 22 kaki x 80 kaki.

Impiana menawarkan unit pegangan bebas dengan keluasan

antara 3,436 hingga 4,941 kaki persegi bagi unit dua tingkat, pada harga bermula RM2.2 juta

Unit tiga tingkat pula menawarkan keluasan sehingga 9,064 kaki persegi dengan harga bermula RM4.8 juta.

Terletak di Jalan Bangi Lama, lokasi strategik yang menghubungkan Semenyih, Lebuh Raya Utara-Selatan (PLUS) dan Bandar Seri Putra, pembangunan itu mudah dilihat dengan anggaran aliran trafik sekitar 15,000 kenderaan sehari.

Susun atur fleksibel menjadikan pembangunan itu sesuai untuk pelbagai perniagaan termasuk sektor runcit, makanan dan minuman, pendidikan serta perkhidmatan kesihatan.

Ketua Pegawai Operasi Setia, Datuk Yuslina Mohd Yunus, berkata perbandaran yang dirancang dengan baik mampu memenuhi keperluan keluarga yang sentiasa berkembang dari semasa ke semasa.

Katanya, ia bukan sahaja bergantung kepada lokasi strategik tetapi juga menerusi kekuatan perancangan, reka bentuk serta tahap keselesaan untuk didiami.

"Pendekatan jangka panjang ini dibina atas asas kelestarian yang terus membentuk pembangunan Setia, serta menjadi faktor keyakinan pemilik rumah terhadap jenama kami," katanya.

Untuk maklumat lanjut atau temu janji bagi mengunjungi unit contoh, boleh layari laman sesawang <https://spsetia.com/property/setia-alamsari/> atau hubungi 03-8736 2255.